

## KESEDIAAN GURU BAGI PEMBELAJARAN DALAM TALIAN SEMASA PANDEMIK COVID 19

### [TEACHER READINESS FOR ONLINE LEARNING DURING THE COVID PANDEMIC 19]

TAI HUI LING<sup>1\*</sup> & SUZIYANI MOHAMED<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Correspondent Email: p105058@siswa.ukm.edu.my

---

Received: 4 April 2022

Accepted: 18 April 2022

Published: 24 April 2022

---

**Abstrak:** Sebelum berlakunya pandemik Covid 19, pengajaran dan pembelajaran dalam talian hanya merupakan satu pilihan kepada guru namun sekarang ini ia merupakan satu keperluan. Kajian adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan daripada guru sekolah tentang kesediaan guru terhadap pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid 19. Dalam proses perubahan pengajaran dan pembelajaran berbentuk tradisional dan digantikan dengan proses pengajaran dalam talian ini menunjukkan guru menghadapi pelbagai cabaran dalam menyesuaikan diri mereka dengan norma baharu. Reka bentuk kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif dan semua data yang dikumpulkan adalah melalui soal selidik secara talian. Sampel kajian adalah seramai 300 orang guru. Analisis statistik deskriptif dijalankan untuk mendapatkan maklumat berdasarkan objektif kajian. Hasil dapatan kajian mendapati tahap kesediaan guru dari segi tahap pengetahuan pengajaran, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru adalah berada dalam tahap sederhana (3.13). Kesimpulannya, dengan kajian yang dijalankan diharapkan dapat meningkatkan tahap kesedaran dan kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

**Kata kunci:** kesediaan guru, pengajaran dan pembelajaran dalam talian, pandemik Covid 19.

**Abstract:** Before the Covid 19 pandemic, online teaching and learning was only an option for teachers but is now a necessity. The study aimed to obtain views from school teachers on the readiness of online learning teachers during the Covid 19 pandemic. The survey study design used a quantitative approach and all data collected were through online questionnaires. The sample of the study was 300 teachers. Descriptive statistical analysis was conducted to obtain information based on the objectives of the study. The results of the study found that the level of readiness of teachers in terms of the level of teaching knowledge, implementation skills and attitudes of teachers are in a moderate level (3.13). In conclusion, with the study conducted, it is hoped to increase the level of awareness and readiness of teachers in online teaching and learning.

**Keywords:** Teacher readiness, online teaching and learning, Covid 19 pandemic.

**Cite This Article:**

Tai Hui Ling & Suziyani Mohamed. (2022). Kesediaan Guru bagi Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemi Covid 19 [Teacher Readiness for Online Learning During The Covid Pandemic 19]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(2), 80-89.

## **PENGENALAN**

Covid 19 merupakan satu norma baharu yang dihadapi oleh seluruh negara dan tiada satu garis panduan yang jelas pada asalnya untuk menanganinya. Kes Covid 19 yang pertama dikesan dalam Malaysia pada 25 Januari 2020 telah membawa banyak perubahan kepada seluruh kehidupan rakyat Malaysia. Pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengurangkan rantaian penyakit Covid 19 ini daripada terus tersebar. Bagi mengurangkan kes Covid 19 yang kian menular, banyak negara telah menjalankan perintah penutupan ataupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan mengarahkan semua masyarakat berada dalam rumah (Anis et al., 2020).

Semua rakyat Malaysia perlu mematuhi garis panduan pengoperasian (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan. Antara SOP yang telah ditetapkan adalah setiap orang perlu berada dalam rumah masing-masing dan memastikan pematuhan penjarakan fizikal dengan orang lain. Semua rakyat Malaysia tidak boleh melintas keluar negeri dan daerah yang lain dan hanya ketua rumah yang dibenarkan untuk membeli bahan masakan dan bahan makanan dalam lingkungan 10 km (Salim et al., 2020). Baharia, Afandi dan Asikin (2021) menerangkan bahawa pandemik Covid 19 ini telah mengubah seluruh norma masyarakat kepada norma baharu tidak kira dalam kehidupan harian, perniagaan, pekerjaan, ekonomi serta pendidikan.

Berdasarkan laporan UNESCO (2020) menyatakan bahawa lebih daripada 100 buah negara telah menjalankan penutupan sekolah. Ahmed Abdulamir dan Rand Hafidh (2020) telah menyatakan bahawa walaupun Covid 19 tidak menyerang kanak-kanak dengan begitu agresif seperti orang tua namun kanak-kanak dilihat cenderung mengalami parah gejala daripada kumpulan lebih tua. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah menjalankan penutupan sekolah untuk melindungi kanak-kanak daripada jangkitan penyakit Covid 19 ini. Maka melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sekolah berikutan positif Covid 19 yang meningkat secara mendadak ini maka seluruh sistem pendidikan juga turut mengalami perubahan. Ribuan sekolah dan berjuta-juta orang guru dan kanak-kanak telah terjejas. Mereka tidak dapat pergi ke sekolah untuk menjalankan pembelajaran dan pembelajaran secara bersemuka (Vidyut et al., 2020).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menegaskan bahawa kanak-kanak mempunyai hak mendapat peluang mengikuti pengajaran dan pembelajaran. Pandemik Covid 19 menguji kemampuan seseorang guru dan kanak-kanak untuk mencari jalan penyelesaian agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat terus dilangsungkan walaupun berlakunya penutupan sekolah dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Abidah et al., 2020). Hakikatnya, dengan kemunculan Pandemik Covid 19 ini telah mempercepatkan proses penyesuaian dan adaptasi daripada pihak guru, ibu bapa dan juga kanak-kanak terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Guru mengambil peranan penting dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Abdullah & Ainon 2006). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian dilihat bersifat efektif dan berkesan dilaksanakan ketika musim pandemik Covid 19 (Wahyudin et al. 2020). Menurut Morgan (2015) sekiranya guru tidak mempunyai pengetahuan berkaitan penggunaan dan kemahiran pelaksanaan pembelajaran dalam talian maka proses pembelajaran

tidak akan berkesan. Maka seharusnya para guru perlu sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi perubahan dalam pendidikan (Zarina, 2016).

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti pengetahuan pengajaran guru bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.
2. Mengenal pasti kemahiran pelaksanaan guru bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.
3. Mengenal pasti sikap guru bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN**

Covid 19 telah mengubah seluruh sistem pendidikan di Malaysia. Norma baharu Covid 19 ini telah mengubah proses pengajaran dan pembelajaran daripada bersemuka kepada secara dalam talian (Nor Halina et al., 2020). Guru selaku pelaksana dasar-dasar pendidikan memainkan peranan penting untuk menjalankan pendidikan kepada masyarakat (Maimun et al., 2017).

Kajian Jain Chee et al., (2018) menyatakan masih terdapat guru yang belum menguasai serta memiliki pengetahuan pengajaran dalam talian. Guru-guru perlu menyesuaikan dan mengadaptasikan diri mereka dengan norma pengajaran baharu ini. Guru merupakan pemangkin utama dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pandemik Covid 19 ini telah memaksa dan mendorong guru untuk mempunyai kesediaan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Dalam kajian Yiong et al., (2008) berpendapat bahawa guru merupakan individu yang bertanggungjawab untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Guru dapat mempengaruhi dan memotivasikan kanak-kanak tidak kira pengajaran secara bersemuka ataupun pengajaran dalam talian. Guru yang berpengalaman dan mempunyai kesediaan dalam pengajaran dan atas talian dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif walaupun kanak-kanak belajar dalam rumah mereka sendiri. Dalam kajian Hanish dan Isa (2021) menyatakan kekurangan kesediaan guru akan menyebabkan proses pembelajaran dalam talian ini menjadi sukar.

Perubahan sistem pendidikan akibat daripada pandemik Covid 19 telah memaksa guru dan kanak-kanak menggunakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Kajian daripada Irfan Fauzi (2020) menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran merupakan cara yang berkesan untuk diterapkan dalam pendidikan. Dalam kajian Noorhadi dan Zurinah (2017) menyatakan bahawa guru-guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif untuk meningkatkan minat belajar kanak-kanak.

Kemudahan dunia media dapat menyatukan dan menyaringkan komunikasi dan maklumat yang lebih bermakna antara guru dan kanak-kanak (Rita Kop, 2011). Kajian Siti Zaharah et al., (2018) menyatakan bahawa penggunaan pengajaran dan pembelajaran dalam

talian dapat melibatkan kanak-kanak dalam suasana pengajaran yang lebih berkesan dan menarik.

Yasmin Saw (2020) menyatakan bahawa pembelajaran yang menggunakan komputer riba, telefon bimbit, rangkaian Internet setara dengan agenda pembelajaran generasi kanak-kanak sekarang. Kanak-kanak pada masa kini biasa dengan dunia teknologi media maka penggunaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian bukan sahaja mudah untuk diterokai malah guru juga boleh menggunakan platform *Youtube* ataupun animasi yang berlainan untuk menarik perhatian kanak-kanak dalam menjalankan pengajaran.

Justeru, guru perlu mempunyai kesediaan diri dan melengkapkan diri mereka dalam menghadapi perubahan sistem pendidikan misalnya pandemik Covid 19 ini kerana guru merupakan pemangkin utama dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran (Rhini 2018).

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik bagi mengenal pasti tahap kesedaran guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid 19. Data diperoleh daripada responden yang dipilih secara rawak daripada 300 orang guru seluruh Malaysia yang menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid 19. Saiz persampelan dipilih berdasarkan jadual penentuan saiz persampelan daripada kajian Krejcie dan Morgan (1970).

### Instrumen Kajian

Instrumen adalah berbentuk soal selidik. Soalan soal selidik yang dibina adalah diadaptasi kajian Rohaida Mazlan (2017). Instrumen soal selidik yang disediakan kepada dua bahagian soalan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Bahagian A adalah untuk mengumpul data faktor demografi responden. Data demografi responden yang dikumpulkan ialah jantina, umur, lokasi sekolah, pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar dalam talian. Bahagian B dalam instrumen soal selidik adalah berkaitan dengan kesediaan guru. Item

Soal selidik disediakan dengan item Skala Likert.

Skala Likert dalam soal selidik diubah dan disesuaikan daripada Skala Likert. Item Skala Likert yang diperkenalkan oleh Robert L. Likert (1942) mengandungi lima skala: 1 ialah amat tidak sesuai; 2 ialah tidak sesuai; 3 ialah tidak pasti; 4 ialah sesuai dan 5 ialah sangat sesuai.

Pengkaji menggunakan Skala Likert yang mengandungi empat skala dengan tidak menggunakan skala tidak pasti bagi mendapatkan jawapan yang tepat daripada responden.

Responden hanya perlu memilih satu jawapan sahaja pada setiap soalan.

Jadual 1: Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Konstruk	No. Item	Jumlah
A	Maklumat Demografi	1-5	5
	Pengetahuan Pengajaran Guru	1-10	10
B	Kemahiran Pelaksanaan	1-10	10
	Sikap Guru	1-10	10

## Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Kajian menggunakan soal selidik jenis *Google Form* dan diedarkan kepada responden. Memandangkan situasi pandemik Covid 19 yang mendadak masih tidak sesuai untuk menjalankan kutipan soal selidik secara bersemuka. Oleh itu pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data melalui *Google Form* untuk mendapatkan data daripada guru tentang tahap kesediaan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Soal selidik *Google Form* diagihkan secara dalam talian kepada guru-guru yang mengadakan pengajaran dalam talian. Aplikasi yang digunakan dalam pengedaran soal selidik adalah seperti *Facebook*, *WhatsApp*. Dengan cara pengagihan soal selidik dalam talian ini, pengkaji berjaya mengumpulkan maklum data guru daripada seluruh negara Malaysia.

Data yang didapati daripada proses soal selidik dianalisis bersama dengan analisis *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Menurut Creswell (2008), penggunaan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* dalam menganalisis data kajian dengan pengiraan tepat dan cepat..

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dalam kajian dijelaskan berdasarkan objektif kajian yang terdapat dalam kajian ini. Dapatan kajian dihuraikan bermula dengan demografi responden dan diikuti dengan tahap kesediaan guru.

Jadual 2: Demografi (Profile Responden)

Demografi		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	27	9.0
	Perempuan	273	91.0
Umur	24-30	54	18.0
	31-40	110	36.7
	41-50	73	24.3
	50 ke atas	63	21.0
	Lokasi sekolah	Bandar	212
Pengalaman Mengajar	Luar bandar	88	29.3
	1-10 Tahun	54	18.0
	10-15 Tahun	110	36.7
	15-20 Tahun	73	24.3
	20- 30Tahun	63	21.0
Pengalaman mengajar dalam talian	1 Tahun	107	35.7
	2 Tahun	193	64.3

Jadual 2 menunjukkan demografi daripada responden. Berdasarkan aspek jantina iaitu guru lelaki seramai 27 orang (9.0%) dan guru perempuan seramai 273 orang (91.0%). Berdasarkan umur dibahagikan kepada tiga kategori iaitu umur 24-30 seramai 54 orang (18%), 110 orang berumur 31-40 (36.7%), 73 orang berumur 41-50 (24.3%) dan terdapat 63 orang yang berumur 50 ke atas iaitu (21%). Berdasarkan aspek lokasi sekolah dapat dibahagi kepada dua iaitu bandar dan luar bandar. Terdapat 212 orang guru (70.7%) daripada sekolah bandar dan 88 orang guru (29.3) daripada sekolah luar bandar.

Berdasarkan aspek pengalaman mengajar guru mengajar dalam talian dapat dibahagi kepada 1 tahun dan 2 tahun. Pengalaman mengajar dalam talian selama 1 tahun adalah seramai 107 orang guru (35.7%) manakala pengalaman mengajar dalam talian selama 2 tahun adalah seramai 193 orang guru iaitu 64.3%.

Jadual 3: Pengekelasan tahap berasaskan skor min

Tahap	Skor min
Rendah	1.00-2.33
Sederhana	2.34-3.66
Tinggi	3.67-5.00

Sumber: Mohd Majid Konting (1990)

Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian dari aspek pengetahuan pengajaran, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru dijelaskan dalam analisis deskriptif ini. Interpretasi nilai min diadaptasi daripada Mohd Majid Konting (1990) iaitu dikelaskan kepada tiga tahap rendah, sederhana dan tinggi.

Jadual 4 : Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian daripada aspek pengetahuan pengajaran, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru.

No	Kesediaan Guru	Min	Interpretasi Skor
1	Pengetahuan Pengajaran	3.14	Sederhana
2	Kemahiran Pelaksanaan	3.23	Sederhana
3	Sikap Guru	3.01	Sederhana
	Keseluruhan	3.13	Sederhana

Secara keseluruhan, kesediaan guru dari aspek pengetahuan pengajaran dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian berada pada tahap sederhana iaitu min 3.14, kesediaan guru dari aspek kemahiran pelaksanaan berada pada tahap sederhana iaitu 3.23 dan aspek terakhir ialah sikap guru berada pada tahap sederhana iaitu 3.01. ketiga-tiga aspek kesediaan guru berada pada tahap sederhana. Aspek kemahiran pelaksanaan menunjukkan skor min yang tertinggi.

## **PERBINCANGAN**

Dapatan menunjukkan pengetahuan pengajaran guru adalah berada pada tahap sederhana bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Berdasarkan kajian James (2017) menunjukkan ramai dalam bidang pedagogi yang menyatakan bahawa integrasi teknologi sangat berguna dan bermakna tetapi masih banyak guru yang enggan membuat percubaan dengan menerapkan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka dalam kelas. Guru terpaksa menggunakan pengajaran dalam talian untuk memastikan pengajaran dapat diteruskan dalam pandemik Covid 19 ini, maka kajian Hanish dan Isa (2021) menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian dapat mengubah proses pembelajaran supaya kanak-kanak lebih aktif dan kreatif untuk mengakses sumber pengetahuan mereka.

Randy (2018) menyatakan walaupun guru mempunyai pengalaman yang terhad dalam pengajaran dalam talian seperti kemahiran teknikal, pengurusan masa, pengetahuan dan sikap dalam pendidikan dalam talian tetapi guru tetap bersedia untuk mengatasi pengajaran dalam talian. Kajian Mazura dan Wok (2018) menunjukkan bahawa lebih daripada 50 % guru sekolah tidak mempunyai pengetahuan pengajaran yang berbeza daripada kelas maya. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru hanya mempunyai pengalaman mengajar dalam talian dalam masa setahun dan dua tahun sahaja namun guru dan kanak-kanak tetap bersiap sedia untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Guru merupakan ejen penting dan bertanggungjawab dalam melaksanakan kemahiran pelaksanaan ICT Teknologi dalam pendidikan. Di kala musim pandemik ini maka mereka perlu menyesuaikan diri mereka dengan norma baharu ini dengan menguasai kemahiran pelaksanaan pengajaran dalam talian. Dalam kajian Ziden et al., (2017) juga menyatakan bahawa agensi kerajaan dan UNESCO juga telah mengembangkan transformasi ICT dalam pendidikan untuk memastikan guru-guru menguasai kemahiran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Sikap dan keyakinan guru memainkan peranan penting dalam keberkesanan mereka untuk menyampaikan kandungan dalam pengajaran mereka (Ernest, 1989). Zulkifli dan Raja Maznah (1994) menyatakan bahawa sikap positif pada seseorang guru merupakan satu dorongan penting kepada kanak-kanak untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran. Kajian daripada Rasmitadila et al., (2020) juga menyatakan guru di Indonesia bersikap positif dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Kajian Mohamed et al., (2016) menyatakan bahawa sikap pada seseorang guru merupakan satu taladan kepada kanak-kanak. Sikap positif seseorang guru yang mempunyai kesediaan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian dapat sebagai dorongan kepada untuk memulakan sesuatu benda yang baharu serta mempengaruhi kanak-kanak mengamalkan juga sikap positif.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini meninjau tentang kesediaan guru dari aspek pengetahuan pengajaran, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru. Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan menunjukkan bahawa guru-guru masih tidak dapat menguasai cara pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Hasil kajian juga memberikan satu gambaran dan penjelasan mengenai sejauh mana tahap kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian di negara Malaysia. Kesediaan

guru dari aspek pengetahuan pengajaran, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru adalah berada pada tahap sederhana. Guru perlu meningkatkan kesediaan dalam diri mereka dengan menyertai latihan dan khusus dalam talian yang berkaitan dengan *Google Classroom*, *Canvas* dan *Microsoft* misalnya untuk mengembangkan lagi pengetahuan dan pengalaman guru terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2006. *Guru sebagai pendorong dalam darjah*. Kuantan: PTS Publications and Distributor Sdn Bhd.
- Abidah, A., Hidayatullah, H, N., Simamora, R, M., Fehabutar, D. & Mutakinati, L. 2020. The impact of Covid-19 to Indonesian education and its relation to the philosophy of “Merdeka Belajar”. *Studies in Philosophy of Science and Education* 1(1):33-49.
- Ahmed, S. Abdulamir & Rand, R. Hafidh. 2020. The possible immunological pathways for the variable immunopathogenesis of COVID-19 infections among healthy -adults, elderly and children. *Electronic Journal of General Medicine* 17(4): 1-4.
- Bryant.E.C. 1974. Association between education outcomes and background variable denver: *National Assessment Of Educational Progress* 1(5):1-216.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. 2015. *Applying the rasch model: Fundamental measurement in the human science* (3rd ed.). Mahwah, Nj: L. Erlbaum.
- Creswell, J.W. 2008. *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approacher*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Cronbach, L.J. 1951. Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika* 16:297-334.
- Courville, K. 2011. Technology and its use in education: Present roles and future prospects. *Recovery school districts technology summit* 6(6): 1-19.
- Ernest, P. 1989. The knowledge, beliefs and attitudes of the mathematics teacher: *A model Journal of education for teaching* 15(1):13-33.
- Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Faiz Mohd Yaabob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. 2020. Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid 19. *Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*, hal. 20(10): 404-411.
- James Francis. 2017. The effects of technology on student motivation and engagement in classroom based learning. Doctor of Education Dissertations. Faculty Of the College of Graduate and Professional Studies at the University of New England.
- Jain Chee, Mariani M.D., Abdul Jalil Othman & Mohd Nazri Abdul Rahman. 2018. Isu pengetahun kandungan, pedagogi dan teknologi dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 6(1): 7-21.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Laporan Awal. Putrajaya.
- Krejcic, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- Likert, R. 1952. *Atechnique for the measurement of attitude: Archive of Psychology. modern Education Measurement: A practitioners Persepective*. New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliff.



- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. 2017. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* 1(1):1-13.
- Mazura Sulaiman & Wak Chu Wok. 2018. Tinjauan tentang pengetahuan dan penerimaan terhadap pengajaran berbeza dalam kalangan siswa pendidikan Program Izajah Sarjana Murda Perguruan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dewan Pendidikan Universiti Awam*, hlm. 283-294.
- Mohd. Majid Konting. 1993. *Kaedah penyelidikan Pendidikan*, (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morgan, H. 2020. Best practices for implementing remote learning during a pandemic. *The Clearing House: A Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas* 93(3): 135-141.
- Nor Halina Noordin, Norlizawati Hashim & Norhafinas Abd Latib. 2021. Cabaran pensyarah Kolej Komuniti dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *e-Proceeding of the Green Technology & Engineering 2020 Virtual Conference*, hlm. 193-202.
- Nur Hanish Ahmad Saifudin & Mohd Isa Hamzah. 2021. Cabaran pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam talian dengan murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(3): 250-264.
- Pratt, D. 1988. *Curriculum Design and Development*. International Edition. USA: Jovonarich.
- Radzi Jidin. 2020 *Teks ucapan sidang media pembukaan semula sekolah bagi murid bukan kelas peperiksaan awam: 1 Julai 2020*.
- Randy Joy. M.Ventayen. 2018. Teachers's Readiness in Online Teaching Environment: A Case of department of education teachers. *Journal of Education, Management and Social Sciences* 2(1):94-106.
- Rasmitadila, Rusi Rusmiati Aliyyah, Reza Rachmadtullah, Achmad Samsudin, Ernawulan Syaodih, Muhammad Nurtanto & Anna Riana Suryanti Tambunan. 2020. The perceptions of primary school teachers of online learning during Covid-19 pandemic period: A case study in Indonesia. *Journal of Ethnic and Cultural Studies* 7(2): 90-109.
- Rhini, F. 2018. Teaching practice in Distance Education Context. *SHS Web of Conferences*. 42(1): 1-7.
- Rita Kop. 2011. The challenges to Connectivist Learning on open online networks: Learning experiences during a massive open online course. *International review of research in open and distance learning* 12(3):19-37.
- Sandeep Krishnamurthy. 2020. The future of Business Education: A Commentary in the shadow of the Covid-19 Pandemic. *Journal of Business Research* 2(14): 1-14.
- Syuhada Md Samsudin & Mohd Aderi Che Noh. 2016. Pembudayaan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Prosiding wacana Pendidikan Islam siri ke 11 (WP111)*, hlm. 191-201.
- Usher, A. 2012. What nontraditional approaches can motivate unenthusiastic student? Center on education policy 1-21. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED532672.pdf>
- Vidyut Rajhans, Usman Memom, Vidula Patil & Aditya Goyal. 2020. Impact of COVID-19 on academic activities and way forward in Indian Optometry. *Journal of Optometry* 5(12): 1-23.
- Wahyudin Darmalaksana, R. Yuli Ahmad Hambali, Ali Masrus & Muhlas. 2020. Analisis pembelajaran Online masa WFH pandemik Covid-19 sebagai tantangan pemimpin

- digital abad 21. *Karya Tulis Ilmiah (KTI) Masa Work From Home (WFM) Covid-19* 1-12.
- World Health Organization. *Coronavirus Disease (2019) (Covid 19)* [https://www.who.int/docs/default-source/coronaviruse/situation-reports/20200404-sitrep-75-covid-19.pdf?sfvrsn=99251b2b\\_2](https://www.who.int/docs/default-source/coronaviruse/situation-reports/20200404-sitrep-75-covid-19.pdf?sfvrsn=99251b2b_2) [4 April 2020].
- Yasmin Saw. 2020. *Pembelajaran dalam talian pada masa krisis Covid-19*. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/238042> [ 26 Jun 2020].
- Yiong, B. L. C., Sam, H. K., & Wah, T.K. 2008. Acceptance of e-learning among distance learners: A Malaysian perspective. *Proceedings ascilite Melbourne*, hlm. 541-551.
- Zarina Binti Abdul Rashid. 2016. Tahap kesediaan guru dalam aspek pengetahuan dan keperluan Latihan berfokuskan aplikasi Kbat. *Falkulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. 6(16): 1-144.
- Zulkifli Abdul Manaf & Raja Maznah Raja Hussain. 1994. Attitudes, knowledge and previous computer experience of teacher trainees in the Diploma of Education Programme at the University of Malaya. *Journal of Educational Research* 16(1): 1-19.
- .
- .